

# Hakisan punca runtuhan

DARI MUKA 1

kedua-dua arah laluan yang terputus dan menasihatkan orang ramai ingin ke Beaufort dari Kota Kinabalu atau dari Kota Kinabalu ke Beaufort supaya berpatah balik.

Jalan di kedua-dua belah jambatan itu runtuh dipercayai akibat hakisan di bahagian tebing sungai selepas laluan air tersekat berikutan kayu dan buluh tersangkut di bawahnya.

Bahagian jambatan di tebing sungai arah ke Beaufort dikatakan runtuh terlebih dulu mengakibatkan bahagian tengah jambatan itu mendap sebelum bahagian yang mengarah ke Papar atau Kota Kinabalu runtuh.

Kejadian itu menyebabkan laluan ke Kuala Penyu, Membakut, Bongawan, Beaufort, Menumbok dan Sipitang terputus.

Sementara itu, pekedai kopi, Wong Fui Heong, 35, berkata dia sempat menghentikan kenderaannya sebaik melihat keretakan di laluan terbabit.

"Saya nampak kereta Kancil putih menuju ke arah tempat saya berdiri. Saya sempat melambai ke arah mereka untuk memberi amaran sebelum Kancil itu terjunam ke sungai," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, yang ditemui selepas meninjau tempat kejadian, mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pegawai daerah menyasiat punca runtuh itu.

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Nawawi Majit



DATU HUSSIAN SULAI | BERITA HARIAN

AKIBAT HAKISAN: Jalan di Kilometer 16, Kampung Mandahan, Papar terputus akibat tanah runtuh di tepi kedua-dua belah jambatan menyebabkan dua beranak lemas selepas kereta yang mereka naiki terjunam ke dalam sungai berkenaan.

kh 316/06

## Bapa, anak lemas jambatan runtuh

**P**APAR: Seorang ustaz dan anak lelakinya lemas apabila Perodua Kancil mereka naiki terjunam ke sungai selepas sebahagian jalan di tepi kedua-dua belah sebuah jambatan di Kilometer 16, Kampung Mandahan dekat sini, runtuh pagi semalam.

Kejadian berlaku kira-kira jam 8 pagi ketika Hussin Mastor, 51, dari Kuala Penyu Skem, Beaufort dan anaknya, Mohd Harun, 26, dalam perjalanan ke Papar.

Beberapa jam selepas itu, seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Zurairi Abdul Wahab, 23, juga terjatuh bersama motosikalnya apabila cuba menyeberangi sungai berkenaan melalui landasan kereta api, kira-kira 25 meter dari jambatan itu.

Zurairi dari Kampung Kebatu, Beaufort dikatakan dibawa arus dan sehingga jam 6 petang, usaha mencarinya masih diteruskan.

Mayat Hussin, guru agama di Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Penyu, ditemui dalam keretanya kira-kira jam 11.30 pagi, manakala Razali pada jam 6.32 petang, kira-kira 400 meter dari lokasi Kancil itu dijumpai.

Ketua Polis Trafik Daerah Papar, Cif Inspektor Mohd Fauzi Sahat, berkata sepasukan 27 anggota polis serta penyelam Jabatan Bomba dan Penyelamat dari Papar serta Kota Kinabalu dihantar selepas menerima panggilan pada 8.02 pagi.

Polis mengadakan sekatan jalan di



BERTUNGKUS LUMUS: Anggota bomba dan penyelamat mengeluarkan mayat Hussin dari dalam kancil yang terjunam ke dalam sungai.